

27/07/2001

Insentif untuk projek teknologi tinggi: PM

Ridzuan Yop

KULIM, Khamis - Kerajaan sedia memberi beberapa insentif bersesuaian membabitkan pelaburan dalam projek berteknologi tinggi, terutama dalam pengeluaran fabrikasi wafer di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, antara bantuan dan insentif yang dikenal pasti termasuk menyediakan cukai bersesuaian dan insentif bukan fiskal.

Katanya, walaupun kerajaan sudah meluluskan enam projek membabitkan pengeluaran semikonduktor fabrikasi wafer hanya dua dilaksanakan iaitu Silterra Malaysia di Kulim, Kedah dan First Silicon di Sarawak.

Beliau berkata, kedua-dua projek itu dimiliki kerajaan melalui ejen pelaburannya iaitu Khazanah Nasional Berhad; Bank Industri dan Kerajaan Sarawak.

"Kerajaan menyedari bahawa antara punca kenapa tidak banyak syarikat multinasional (MNC) asing berminat melabur dalam bidang itu kerana kosnya yang terlalu tinggi mencecah RM5 bilion serta risiko yang perlu ditanggung," katanya ketika berucap merasmikan pembukaan kilang fabrikasi wafer Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra), di Taman Teknologi Tinggi Kulim, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Abdul Razak Syed Zain, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Pengerusi Silterra, Tan Sri Mohamad Sheriff Kassim dan Presiden dan Ketua Eksekutif Silterra, Cyril Hannon.

Kilang berharga RM5.5 bilion itu mempunyai kemudahan pengeluaran semikonduktor fabrikasi wafer lengkap dan ketika ini mampu mencapai kapasiti pengeluaran 18,000 wafer sebulan untuk pelanggannya di seluruh dunia.

Silterra ketika ini mengeluarkan wafer kegunaan 'Complimentary Metal Oxide Semiconductor' (CMOS) atau pemprosesan teknologi berukuran 0.25 mikron, 0.22 mikron dan 0.18 mikron.

Antara pemegang saham dalam Silterra termasuk Khazanah Nasional Berhad, Bank Industri, Kumpulan Walden, LSI Logic Incorporation dan Seiko Instrument Incorporation.

Dr Mahathir berkata, berikutan sambutan kurang memuaskan bagi projek pengeluaran fabrikasi wafer oleh MNC, kerajaan menggalakkan pelabur Malaysia atau majoriti usaha sama dengan MNC bagi membolehkan Malaysia lebih mudah mendapatkan teknologi pengeluaran wafer.

Katanya, kerajaan akan terus mempromosikan dan menggalakkan syarikat MNC melabur dalam projek yang dapat memajukan industri elektronik di negara ini.

Industri elektronik ketika ini, kata Dr Mahathir adalah penyumbang terbesar sektor pengeluaran serta berkaitannya seperti nilai tambah, eksport dan pekerjaan.

"Tahun lalu saja, nilai tambah dalam sektor elektronik iaitu 27.9 peratus dan eksport produk elektronik berjumlah 67 peratus daripada jumlah keseluruhan jumlah eksport barangan dari Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengeluaran produk elektronik berjaya menarik jumlah pelaburan negara yang besar iaitu RM5.5 bilion atau 35 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan dalam sektor pengeluaran yang diluluskan bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini.

"Walaupun, kita (kerajaan) sedar mengenai kelembapan dalam pasaran dalam sektor itu (elektronik) di dunia, pada masa depan ia masih cerah,"

katanya.

Beliau berkata, berdasarkan ramalan yang dibuat Persatuan Industri Semikonduktor Amerika Syarikat, pasaran semikonduktor dijangka kembali pulih dan tumbuh pada kadar 21 peratus tahun depan.

Katanya, pada 2003, pertumbuhannya pula pada kadar 25 peratus dan tujuh peratus (2004), dengan jangkaan pertumbuhan itu, jumlah jualan seluruh dunia pada 2004 akan meningkat kepada RM1,075.4 bilion.

Katanya, eksport produk elektronik negara ini terus meningkat pada 1999, Malaysia mengeluarkan produk bernilai RM179 bilion, tetapi pada tahun lalu ia meningkat kepada RM212.3 bilion.

"Walaupun Malaysia adalah pengeksport utama semikonduktor, kita masih bergantung kepada komponen import terutama fabrikasi wafer yang mewakili kira-kira 70 peratus daripada kos bahan mentah," katanya.

Beliau berkata, dengan kilang pengeluaran fabrikasi wafer di negara ini ia mampu menarik kembali rakyat tempatan yang bekerja di luar negara dalam sektor pengeluaran yang sama.

(END)